



**TEKS UCAPAN  
DATO' ABDUL FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA  
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-  
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**



# **MAJLIS PELANCARAN PROGRAM CSR E-COOPCARE KEMPEN KITAR SEMULA PERANTI TERPAKAI #MYBAIKHATI**

**12 APRIL 2021 (ISNIN)**

**10.00 PAGI**

**AUDITORIUM ANGKASA, WISMA  
UNGKU A. AZIZ**

---



Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
TaalaWabarakatuh

**Dato'-Dato', Tuan Puan Yang  
Dihormati,**



1. Pertama sekali marilah kita semua merafakkan setinggi – setinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana atas limpah dan kurniaNya dapat kita semua bersama – sama berkumpul di auditorium ANGKASA pada pagi yang berbahagia ini.



2. Alhamdulillah pada hari ini, kita bakal menggerakkan satu lagi kempen Tanggungjawab Sosial Koperasi (CSR) yang sentiasa menjadi nadi dan salah satu agenda utama ANGKASA sebagai badan Apeks Gerakan Koperasi Negara yang diiktiraf oleh kerajaan untuk meningkatkan daya



saing dan membantu anggota koperasi serta komunitas selari dengan Prinsip Ketujuh Koperasi iaitu Mengambil Berat Terhadap Masyarakat.

**Hadirin yang dihormati,**



3. Telah setahun wabak Coronavirus (COVID-19) mengancam manusia sejagat di seluruh dunia. Perintah Kawalan Pergerakan perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam menangani krisis kesihatan yang telah mengorbankan 2.6 juta orang di seluruh dunia. Di Malaysia, pandemik



COVID-19 telah memasuki gelombang ketiga dan telah menyebabkan lebih 1,300 kematian sehingga April.

4. Seperti negara lain, krisis kesehatan ini turut menyumbang kepada krisis ekonomi yang mana sepanjang perintah kawalan pergerakan





dilaksanakan, sebilangan besar sektor ekonomi terpaksa ditutup. Ianya bukan sahaja menyebabkan aliran tunai banyak syarikat dan perniagaan terjejas, malah ramai individu yang terpaksa diberhentikan kerja akibat sektor perniagaan yang tidak mampu lagi menanggung pembayaran gaji



kerana kurang atau tiada pendapatan.

5. Sekolah juga ditutup bagi melandaikan penularan wabak dan baru sahaja dibuka baru-baru ini. Bagi memastikan tiada yang keciciran pelajaran, **konsep Pengajaran dan**



## **Pembelajaran di Rumah (PdPR)**

menggunakan platform digital digunakan bagi memastikan sesi pembelajaran berjalan seperti biasa semasa PKP.



6. Pembelajaran secara 'online' mewujudkan cabaran baharu kepada masyarakat. Ini kerana tidak semua keluarga mampu menyediakan gajet dan peranti digital untuk sesi pembelajaran maya khususnya mereka yang datang daripada golongan B40. Kita ambil contoh, jika



sesebuah keluarga mempunyai empat orang anak yang masih bersekolah maka empat gajet diperlukan oleh keluarga ini bagi memastikan setiap anak dapat belajar dengan selesa.

**Warga ANGKASA yang dikasihi dan hadirin sekalian,**



7. Mengambil kira akan cabaran yang dihadapi golongan B40 khususnya bagi memiliki peranti digital, kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) telah menggerakkan kempen **MYBAIKHATI bermula 18 Mac 2021** iaitu kempen secara “crowdsourcing” bagi



mengumpul dan membaik pulih peranti terpakai dan disumbangkan semula kepada yang komuniti yang memerlukan terutamanya keluarga berpendapatan rendah (B40).  
Kempen menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) berhasrat untuk



merapatkan jurang digital B40 dan menyokong agenda pendigitalan negara.

8. Program seperti ini tidak asing buat ANGKASA kerana program baik pulih peranti digital telah dilaksanakan oleh ANGKASA secara berskala kecil. Setiap





tahun, peranti digital terpakai akan dibaik pulih oleh Bahagian Teknologi Maklumat ANGGKASA dan disumbangkan kepada koperasi sekolah yang memerlukan.

9. Justeru, ANGGKASA sebagai institusi yang komited untuk **meneraju dan**



**melaksana inisiatif Matlamat  
Pembangunan Mampan (SDG) 2030**  
mewakili gerakan koperasi di Malaysia  
terpanggil untuk bersama-sama  
menyokong menggerakkan kempen  
**MYBAIKHATI** bagi membantu anggota  
koperasi dalam menghadapi situasi  
sukar ini.



10. Pada hari ini, ANGGKASA melancarkan Kempen **e-COOPCARE** untuk menyeru dan menggalakkan warga koperasi dan orang ramai menderma peranti digital terpakai menerusi ANGGKASA untuk dibaik pulih dan disumbangkan semula



kepada golongan B40 yang memerlukan terutamanya anggota koperasi.

11. ANKASA akan mengenalpasti penerima yang terdiri dalam kalangan B40 sama ada pelajar sekolah untuk meningkatkan akses pembelajaran



digital mahupun koperasi yang memerlukan peranti untuk meningkatkan daya saing perniagaan menerusi perniagaan secara online.

Peranti yang tidak memenuhi syarat akan dikitar semula melalui program e-Waste sedia ada.



12. Bagi memudahkan pendermaan, ANGKASA menyediakan *drop off point* di Ibu Pejabat Kelana Jaya, Wisma Ungku A. Aziz dan di setiap Pejabat Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri di seluruh Malaysia.



13. Kita sedia untuk “pick-up” peranti terpakai yang hendak didermakan secara pukal atau ‘bulk’ oleh mana-mana koperasi, syarikat atau agensi di sekitar Lembah Klang.
  
14. Sebuah aplikasi akan dibangunkan bagi memantau program e-



COOPCARE ini dari jumlah penerimaan, proses baikpulihan dan juga jumlah sumbangan semula bagi memastikan kempen ini mencapai objektifnya.





15. ANGGKASA menyasarkan kempen ini dapat **mengumpulkan sekurang – kurangnya 500 peranti digital terpakai** dan akan menyalurkan semula sumbangan kepada sekurang-kurangnya **50 keluarga atau organisasi** pada hujung tahun ini.



16. Bagi tujuan ini, warga kerja ANGGKASA, koperasi, anggota koperasi dan orang awam boleh mendermakan peranti terpakai sehingga **31 Disember 2021**.
17. Saya amat berharap usaha dan kerjasama bagi menjayakan hasrat



murni ini akan memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan. Semoga inisiatif ini sedikit sebanyak akan membantu menjadikan akses digital sebagai kemudahan asas buat masyarakat selain membantu meningkatkan ekonomi digital bagi meneruskan kelangsungan hidup



dalam suasana norma baharu.

## **Hadirin yang dihormati,**

18. Sebelum saya berundur diri, saya ucapkan tahniah kepada Bahagian Komunikasi Korporat dan Bahagian Teknologi Maklumat yang merancang



dan menjalankan kempen ini. Saya menyeru kepada semua warga ANKASA untuk kita sama-sama memberi sumbangan bagi menjayakan inisiatif yang akan meningkatkan keterangkuman digital.



***“Berat sama dipikul...  
Ringan sama dijinjing.  
Jom kita menderma demi  
kesejahteraan masa depan buat  
mereka yang memerlukan”***

19. Dikesempatan ini juga saya mengucapkan selamat menunaikan



ibadah puasa Ramadan 1442 hijrah. Semoga kita dapat sama-sama menghayati Ramadan tahun ini dengan penuh keikhlasan dan kesyukuran.

20. Dengan  
Bismillahirrahmanirrahim

lafaz  
saya



merasmikan **Program CSR E-COOPCARE - Kempen Kitar Semula Peranti Terpakai #Mybaikhati.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi                      Taufiq                      Walhidayah  
Wassalamualaikum                      Warahmatullahi





Wabarakatuh.